



IMBASAN PERKONGSIAN PADA KULIAH YANG LALU

Kisah Ibnu Sayyad

Abu Said al-Khudri pernah pergi berhaji/berumrah dengan Ibnu Sayyad. Suatu ketika Abu Said dan Ibnu Sayyad berdua sahaja di suatu tempat. Abu Said berasa takut apabila teringat kata2 orang tentang Ibnu Sayyad. Ibnu Sayyad terasa hati apabila Abu Said nampak tak selesa dengannya dan menolak susu yg dia beri lalu Ibnu Sayyad berkata :

“Wahai Abu Said! Aku terasa macam hendak mengambil tali dan kugantung pada pokok, kemudian aku cekik leher aku kerana kesalnya hati aku terhadap kata-kata orang ramai terhadap aku.”

Kata Ibnu Sayyad lagi :“Bukankah Rasulullah saw telah bersabda bahawa Dajjal itu mandul, tak punya anak, sedangkan aku ada anak yang aku tinggalkan di Madinah? Bukankah Rasulullah saw telah

bersabda bahawa Dajjal itu tidak dapat masuk kota Madinah dan Makkah, sedangkan aku datang dari Madinah dan sedang ke Makkah?”

Kata Ibnu Sayyad lagi : “Ingatlah, demi Allah, sesungguhnya aku mengenalnya (Dajjal sebenar), tahu tempat lahirnya dan tahu di mana dia berada sekarang.”

Abu Sa’id al-Khudri berkata : “Aku katakan kepadanya : Celakalah engkau pada hari-harimu.” (Muslim)

Ditanya kepada Ibnu Syayad : “Apakah engkau senang (tidak menolak) jika lelaki itu (Dajjal sebenar) ialah engkau?” Dia menjawab : “Kalau disindirkan kepada aku, aku tidak benci.” (Muslim)

Ibnu Umar pernah berkata : “Demi Allah, aku tidak ragu-ragu bahawa Al-Masih ad-Dajjal ialah Ibnu Sayyad.” (Abu Dawud)

Abu Zar berkata : “Sungguh, jika aku bersumpah 10 kali bahawa Ibnu Sayyad ialah Dajjal lebih aku sukai daripada bersumpah 1 kali bahawa dia bukan Dajjal.” (Ahmad)

Saiyidina Umar pernah bersumpah di sisi Rasulullah bhwa Ibnu Sayyad ialah Dajjal. Baginda tidak mengengkari kata2 S. Umar itu. (Bukhari).

Antara pandangan para tokoh tentang Ibnu Sayyad

- Imam Nawawi berpendapat kisah Ibnu Sayyad ini sangat musykhil dan samar-samar. Tak tahu sama ada dia Dajjal atau bukan. Tapi tak snag si lagi dia ialah salah satu dajjal.
- Ibnu Katsir berpendapat dia bukanlah Dajjal sebenar yang akan keluar pada akhir zaman.
- Ibnu Taimiyah berpendapat dia bukan Dajjal sebenar tetapi sejenis dukun.
- Imam Ibnu Hajar berpendapat dia bukan Dajjal tetapi syaitan.

- Imam Baihaqi berpendapat dia bukan Dajjal sebenar, tetapi sekadar salah satu daripada dajjal-dajjal pendusta.
- Imam Qurtubi berpendapat dia memang Dajjal sebenar.
- Imam Turmizi berpendapat dia memang Dajjal.

Bagi ahli-ahli sufi, dunia ini pun sudah syurga dari dua segi :

- i. Kerana terlalu baaanyak nikmat yang Allah kurniakan kepada kita.
- ii. Kerana secara mukasyafah, mereka sudah dapat menyaksikan pelbagai perkara yang tak pernah terlintas di fikiran pun.

PERKONGSIAN UNTUK MALAM INI

Imam Al-Ghazali menulis (Jilid 7 ms 455) : Ketahuilah, sesungguhnya yang diidrakkan (diketahui) itu terbahagi kepada :

- i. **yang masuk dalam khayalan** seperti rupa yang dikhayalkan, tubuh yang berwarna dan yang berbentuk dari diri haiwan dan tumbuh-tumbuhan.
- ii. **yang tidak masuk dalam khayalan** seperti zat Allah Ta'ala dan setiap apa yg tidak bertubuh spt ilmu, qudrah, iradah dan lain2.

Sesiapa yang melihat seorang insan, kemudian memicingkan matanya, nescaya ia dapati rupa insan tadi hadir dalam khayalannya seolah-olah ia memandang kepadanya.

Akan **tetapi apabila ia membuka mata dan melihat** dan ia mendapati akan perbezaan antara keduanya. Dan perbezaan itu tidak kembali kepada perselisihan antara dua rupa, kerana rupa yang dilihat itu adalah bersesuaian dengan rupa yang dikhayalkan. **Hanya sahaja perbezaan itu dengan lebih terang dan tersingkap**, bahawa rupa orang yang dilihat itu menjadi lebih sempurna tersingkap dan terangnya dengan dilihat. Iaitu seperti orang yang dilihat pada waktu cahaya pagi

sebelum berkembang cahaya siang. Kemudian dilihat ketika sempurna terang. Maka tidaklah berbeza di antara suatu keadaan dengan lainnya, selaian pada bertambahnya terang.

Jadi, khayal itu adalah permulaan al-idrak. Melihat adalah kesempurnaan bagi idrak khayal iaitu penghabisan terbuka. Dinamakan yang demikian itu melihat kerana ia itu penghabisan terbuka. Tidak kerana dia itu pada mata.

Akan tetapi jika diciptakan oleh Allah akan al-idrak yang sempurna, yang terbuka pada dahi atau dada umpamanya, nescaya ini berhak bahawa dinamakan melihat.

Apabila anda telah memahami ini pada yang dikhayalkan, maka diketahuilah bahawa hal-hal yang diketahui (al-ma'lumat) yang tidak berbentuk pula dalam khayalan bagi ma'rifah dan mengidrakkannya itu mempunyai dua tingkat.

Yang satu itu lebih utama dan yang kedua itu kesempurnaan baginya. Antara yang pertama dan yang kedua ada berlebih kurang pada bertambahnya tersingkap dan terang, antara apa yang dikhayalkan dan yang dilihat.

Maka yang kedua juga, dengan dikaitkan kepada yang pertama, dinamakan penyaksian, bertemu dan melihat. Dan penamaan ini benar, krna melihat itu dinamakan melihat kerana ia penghabisan tersingkap.

Sebagaimana sunnatullah berlaku dengan berkatupnya pelupuk mata itu mencegah dari sempurnanya tersingkap dengan melihat, dan ada ia menjadi hijab antara penglihatan dan yang dilihat, dan tidak boleh tidak daripada terangkatnya hijab untuk berhasilnya melihat dan selama tidak terangkat nescaya adalah idrak yang diperolehi itu semata-mata khayalan, maka seperti demikian juga kehendak sunnah

Allah bahawa jiwa selama terus terhibab dengan hal-hal yang mendatang bagi badan dan kehendak nafsu syahwat dan apa yang mengerasi atasnya dari sifat-sifat manusiawi, nescaya tidaklah dia itu berkesudahan kepada penyaksian dan bertemu pada hal-hal yang diketahui di luar daripada khayal.

Bahkan hidup ini adalah hijab daripadanya secara darurat, seperti hijabnya pelupuk mata dari penglihatan mata.

(ms 456) Pembicaraan tentang sebab adanya itu hijab akan panjang dan tidak layak dengan ilmu ini. Dan kerana itulah Allah Taala berfirman kepada Musa as : **“Engkau tidak akan dapat melihat Aku.”** (Al-A’raf : 143)

Allah Taala berfirman : **“Penglihatan tidak sampai kepadaNya.”** (Al-An’am : 103)

Dan yang sah, sesungguhnya Rasulullah saw tidak melihat Allah Ta’ala pada malam mi’raj.

(Dalam Sahih Bukhari dan Muslim, Saiyidatina ‘Aisyah mengatakan : **“Sesiapa yang mengatakan kepada kamu yang Muhammad melihat Tuhannya, maka itu adalah bohong.”**)

Apabila terangkat hijab dengan mati, nescaya tinggallah nyawa berlumuran dengan kotoran dunia, tidak terlepas daripadanya secara keseluruhan, walaupun dia itu berlebih kurang.

Sebahagian daripadanya apa yang bertindih lapis di atasnya kebusukan dan kekaratan. Maka jadilah ia seperti cermin yang telah rosak bendanya disebabkan lamanya bertindih lapis kebusukan, lalu tidak dapat lagi diperbaiki dan dikilatkan. Mereka itu orang-orang yang

terhijab dari Tuhannya untuk selama-lamanya. Kita berlindung dengan Allah daripada yang demikian.

Di antaranya apa yang tidak berkesudahan kepada batas kotor dan termeteri. Dan tidak keluar dari dapat dibersihkan dan dikilatkan. Maka diletakkan di atas api yang dapat mencegah daripadanya akan keburukan yang menjadi kekotorannya.

Dan adalah diletakkan di atas api sekadar perlu kepada pembersihan. Sekurang-kurangnya sekejap mata yang enteng sahaja. Dan sejauh-jauhnya terhadap orang-orang yang beriman sebagaimana diterangkan oleh hadis-hadis adalah 7000 tahun.

Tiadalah berangkat satu nyawa dari alam ini, melainkan ia disertai oleh debu dan kekeruhan dari apa sahaja walau pun sedikit.

(ms 457) Kerana itulah Allah Taala berfiman : **“Dan tiada seorang pun di antara kamu yang tiada mendatanginya, itulah keputusan Tuhan yang tak dapat dihindarkan. Akhirnya Kami lepaskan orang-orang yang menjaga dirinya dan Kami biarkan orang-orang yang bersalah berlutut di dalamnya.”** (Maryam : 71-72)

Maka setiap diri yakin untuk datang ke neraka dan tidak yakin untuk keluar daripadanya.

Maka apabila Allah menyempurnakan penyucian dan pembersihannya dan sampailah suratan amal akan waktunya, terjadilah penyelesaian dari sejumlah apa yang dijanjikan oleh syara', dari Hisab, didatangkan di hari Qiamat dan lain-lain, disempurnakan akan berhak dengan syurga dan yg demikian itu waktu yg belum jelas, yg tidak diperlihatkan oleh Allah kepada seseorang dari makhluk-Nya, maka itu terjadi pada Hari Qiamat. Dan waktu Hari Qiamat itu tidak diketahui (majhul).

Maka ketika itu, ia berbuat dengan kebersihan dan kesuciannya dari segala kekotoran, di mana tidak dikejikan mukanya oleh debu dan asap. Kerana padanya menampak (tajalli) Tuhan Yang Maha Benar, Maha Suci dan Maha Tinggi. Maka menampaklah baginya dengan penampakan, yang tersingkap penampakan-Nya, dengan dikaitkan kepada apa yang diketahuinya seperti tersingkap menampaknya cermin dengan dikaitkan kepada apa yang dikhayalkannya.

Penyaksian (musyahadah ini) ini dan tajalli, ialah yang dinamakan ru'yah Jadi, ru'yah itu benar, dengan syarat bahawa tidak difahami dari ru'yah itu akan kesempurnaan khayal pada yang dikhayalkan, yang berbentuk, yang khusus dengan arah dan tempat.

Maka yang demikian itu termasuk hal yang Maha Suci Tuhan semesta alam dengan sebenar-benarnya, dari yang demikian.

Bahkan sebagaimana yang anda ketahui di dunia, akan ma;rifah yang hakiki, yang sempurna, tanpa khayal, tanpa berbentuk, mengumpamakan bentuk dan rupa, maka anda akan melihat di akhirat seperti yang demikian itu.

Bahkan aku mengatakan bahawa ma;rifah yang diperoleh di dunia itu sendiri adalah yang memperolehi kesempurnaan. Ia sampau kepada kesempurnaan tersingkap dan terang. Dan terbalik menjadi musyahadah (penyaksian).

Dan tidak adalah perselisihan di antara musyahadah di akhirat dan yang diketahui di dunia, selain dari segi bertambahnya tersingkap dan terang. Sebagaimana kami buat contoh pada menyempurnakan khayal dengan ru'yah.

Maka apabila tidak ada pada ma'rifah kepada Allah Taala itu, pengakuan adanya bentuk dan rupa, nescaya tidak adalah muka pada

kesempurnaan ma'rifah itu sendiri dan meningginya pada terang, sampai kepada penghabisan tersingkapnya itu, arah dan bentuk.

Kerana dia itu sendiri, tidak berbeza daripadanya, selain pada bertambahnya penyingkapan. Sebagaimana rupa yang terlihat itulah yang menjadi khayalan itu sendiri, kecuali berbeza pada bertambahnya tersingkap.

Kerana yang demikianlah, isyarat dengan firman Allah Taala : **“Cahaya mereka berlari di hadapan mereka dan di kanan mereka, sedang mereka berkata : “Wahai Tuhan kami! Cukupkanlah untuk kami cahaya kami.”** (At-Tahrim : 8)

Kerana kesempurnaan nur (cahaya) itu tidak membekas, selain pada bertambahnya tersingkap.. Kerana inilah, tiada memperoleh kemenangan dengan tingkat memandang dan melihat (Wajah Allah Taala) selain oleh orang-orang yang berma'rifah (al-'arifun) di dunia.

Kerana ma'rifah ialah bibit yang terbalik di akhirat menjadi musyahadah (penyaksian), sebagaimana terbaliknyanya biji menjadi pohon dan biji-bijian menjadi tanaman.

Sesiapa yang tidak memperolehi biji dalam buminya, maka bagaimana ia akan memperoleh batang pohonnya? Sesiapa yang tidak menanam biji-bijian, maka bagaimana ia mahu mengetam akan tanamannya? Seperti demikian juga, orang tidak mengenal (tidak berma'rifah) akan Allah Ta'ala di dunia, maka bagaimana ia akan melihat-Nya di akhirat?

*Semua rakaman kuliah kitab Ihya' di surau ini boleh diulang2 tonton/dengar di Youtube. Tuliskan “syarah ihya” atau “kitab cinta ihya” pada carian Youtube. Selamat mengulangkaji.